



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

NOMINI DAN IMPLIKASINYA TERHADAP PEMBAHAGIAN PUSAKA (FARAIDH) DAN WASIAT

Oleh
MOHAMED AMIN BIN SALIH
NO. MATRIK: G 911158
NO. K/P: 3492350

*Sebuah Kertas Projek Yang Dikemukakan
Kepada Universiti Islam Antarabangsa Kuliyyah Undang-Undang UIA
Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada
Syarat Keperluan Diploma Undang-Undang
Dan Pentadbiran Kehakiman Islam
(Sessi 1991/92)*

Penyelia
USTAZ HAJI IDRIS OMAR

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
P.O. Box 70, Jalan Sultan,
46700 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan,
MALAYSIA.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



الجامعة الإسلامية العالمية
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY
يُونَيْسْتِقْ إِسْلَامًا إِنْتَارَ إِجْسَا

NOMINI DAN IMPLIKASINYA TERHADAP PEMBAHAGIAN PUSAKA (FARAIDH) DAN WASIAT

Oleh
MOHAMED AMIN BIN SALIH

*Kertas Projek Ini Diterima Oleh
Kullyyah Undang-Undang UIA
Bagi Memenuhi Sebahagian Daripada
Syarat Keperluan Diploma Undang-Undang
Dan Pentadbiran Kehaklman Islam
(Sessi 1991/92)*

Tandatangan Penyelia

Tarikh

Tandatangan Dekan

Tarikh

KATA PENGANTAR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف الانبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين.

Saya mengucapkan syukur kehadzrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia, izin dan inayahNya dapat saya menyediakan kertas projek ini yang menjadi sebahagian daripada syarat keperluan untuk mendapatkan Diploma Undang-Undang Dan Pentadbiran Kehakiman Islam, Universiti Islam Antarabangsa.

Menginsafi terdapatnya beberapa peraturan Ilahi Allah S.W.T. yang tidak dilaksanakan oleh manusia samada kerana ianya terlindung dari "*Cahaya Kudus*", kerana kelemahan Iman dan kurang amalan Islami atau kejahilan dan kekebalan sendiri yang menyebabkan banyak peraturan dari undang-undang Allah S.W.T. dilanggari terutama dalam urusan pengendalian harta pusaka, wasiat penamaan dan lain-lain.

Secara nyata melalui pancaran Iman dari Ilmu yang bersumberkan wahyu Allah S.W.T. dan Sunnah RasulNya. Ramai yang menyedari betapa perlunya kita berusaha mendaulatkan Islam keatas umat manusia. Maka dengan lahirnya Universiti Islam Antarabangsa yang menyediakan program kursus Diploma Undang-

Undang Dan Pentadbiran Kehakiman Islam kepada Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Hal Ehwal Islam dan juga pra perkhidmatan. InsyaAllah dengan program ini akan dapat melahirkan tenaga terlatih dan pakar dalam bidang perundangan Islam yang akan mengisi ruang keperluan tenaga manusia profesional dalam usahanya meningkatkan pemakaian dan pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia yang merangkumi semua aspek kehidupan "*duniawi dan ukrawi*". Semoga mendapat pengampunan dan keredhaan Allah S.W.T. jua.

أمين يا رب العالمين

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته.

MOHAMED AMIN BIN SALIH
No. Matrik : G 911158
No. K/P : 3492350

23 Zulhijjah, 1412H.
25hb. Jun, 1992M.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف الانبياء
والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين.

Segala puji tertentu bagi Allah S.W.T. selawat dan salam ke atas Baginda junjungan Agong Nabi Muhammad s.a.w. dan lain-lain para Nabi dan Rasul a.s. dan sekalian keluarga serta sahabat Baginda Rasulullah s.a.w.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Y.Bhg. Ustaz Haji Idris b. Hj. Omar (Penyelia Kertas Projek saya ini yang memberi bimbingan, nasihat, dorongan dan tunjuk-ajar pada menyediakan Kertas Projek ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada pensyarah-pensyarah yang terlibat dalam kursus Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam (sessi 1991/1992).

Prof. Tan Sri Dato' Ahmad Ibrahim

Prof. Tan Sri Dato' Wan Hamzah Salleh

Prof. Tan Sri Dato' Syed Agil Barahbah

Prof. Dr. Mahmud Saedon Awang Othman

Ustaz Hj. Mohamed Abu Bakar

Ustaz Hj. Idris Omar

Encik Osman Awang

dan

semua pihak yang terlibat dengan pengendalian Kursus ini di
Universiti Islam Antarabangsa

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga dirakamkan kepada :

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (Bahagian latihan dan Kemajuan Kerjaya) - yang menghadiahkan Biasiswa Latihan,

Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri - yang memberi keizinan cuti belajar - (bagi tempuh Julai 1991 - Mei 1992)

Pegawai berkenaan, Ibu Pejabat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Pegawai berkenaan, Ibu Pejabat Lembaga Urusan Dan Tabung Haji (LUTH).

Pegawai berkenaan, Jabatan Pemegang Amanah Raya.

Pegawai berkenaan, Pejabat Penyelesai Pusaka Kecil Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Pegawai berkenaan, Ibu Pejabat,

- Malaysia National Insurance (MNI).
- TALASCO Insurance
- Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)
- Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB)

(kerana pegawai Institusi tersebut memberi kerjasama dalam usaha kajian kertas projek ini).

Kepada Saudara Mohd Fuad Dahali,
 Saudara Ishak Dollah,
 Saudara Abdul Halim Mat Isa.

(yang sudi menaip kertas projek ini)

Persatuan Ulama Malaysia (PUM)
(yang mengizinkan penggunaan komputernya).

semua rakan-rakan kursus Diploma Undang-Undang Dan
Pentadbiran Kehakiman Islam (DALJ) (Sessi 1991/1992)
dan mana-mana orang serta pihak yang terlibat pada
menyediakan kertas projek ini.

Semoga Allah S.W.T. membalas jasa dan budi baik kalian dengan
sebaik-baik pembalasan dan sebanyak-banyaknya, Insya Allah.

أمين يا رب العالمين

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته.

MOHAMED AMIN BIN SALIH

23 Zulhijjah, 1412H.
25hb. Jun, 1992M.

DAFTAR ISI KANDUNGAN

Muka Surat

Kata Pengantar	_____	i
Penghargaan	_____	iii
Daftar Isi Kandungan	_____	vi

BAB PERTAMA

KONSEP HARTA DALAM ISLAM

1.1	Difinasi Atau Pengertian Harta	1 - 4
1.2	Pandangan Islam Terhadap Harta Kekayaan	4 - 7
1.3	Pemilik Mutlak Harta	7 - 11
1.4	Hak Pemilikan Harta Menurut Perlembagaan Malaysia	11 - 12
1.5	Islam Tidak Menggalakan Umatnya Miskin	12 - 14
1.6	Galakan Mencari Harta	14 - 20
1.7	Harta Sebagai Amanah Allah S.W.T.	20 - 23
1.8	Cara membelanjakan Harta	24 - 26
1.9	Batasan Dalam Mengusahakan Harta	27 - 32
1.10	Had Hak Milik Perseorangan	32 - 37

BAB KEDUA

ILMU PUSAKA

1.1	Pengertian Pusaka	38 - 41
1.2	Pengertian Ilmu Pusaka	41 - 44
1.3	Islam Mengambil Berat Mengenai Ilmu Pusaka	44 - 48
1.4	Dasar Pusaka Menurut Islam	48 - 56
1.5	Sistem Pembahagian Harta Pusaka Dalam Islam	56 - 93
1.6	Pelaksanaan Pembahagian Pusaka Di Malaysia	94 - 101

BAB KETIGA

PENGURUSAN WARTA WASIAT

1.1	Pengertian Wasiat	102 - 103
1.2	Dalil Syara'	103 - 108
1.3	Pentadbiran Mengenai Harta Wasiat	108 - 110
1.4	Peraturan Dan Prinsip-Prinsip Wasiat Islam	111 - 115
1.5	Lembaran Rang Undang-Undang Malaysia Akta Wasiat Orang-Orang Islam 1990.	116 - 156

BAB KEEMPAT

URUSAN HARTA PENAMA

1.1	Sistem Penamaan	157 - 157
1.2	Usaha Dan Tindakan Ke Arah Mengwujudkan Akta Namaan Bagi Orang-Orang Islam	158 - 164
1.3	Draf Rang Undang-Undang Bernama Akta Namaan Bagi Orang-Orang Islam yang Telah Mati (1983)	164 - 167
1.4	Akta Namaan Islam, 1991	167 - 169
1.5	Kekesanan Majlis Fatwa Kebangsaan.	170 - 173
1.6	Pengurusan Harta Penama Dan Simpanan	173 - 180
1.7	Contoh-Contoh Kes Mengenai Penamaan	180 - 186

BAB KELIMA

PERMASALAHAN SEMASA, PENYELESAIAN DAN SYOR-SYOR

1.1	Permasalahan Semasa	187 - 195
1.2	Syor-Syor Atau Cadangan-Cadangan	195 - 197
	Penutup	- 198
	Rujukan	199 - 201

BAB PERTAMA

KONSEP HARTA DALAM ISLAM

1.1 Difinisi Atau Pengertian Harta.

Harta adalah merupakan unsur penting dan asas serta menjadi alat bagi manusia untuk menuju kebahagiaan hidup.

Firman Allah S.W.T :¹

وَلَا تُؤْتُوا السُّفَهَاءَ أَمْوَالَكُمُ الَّتِي جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ
قِيَمًا وَارْزُقُوهُمْ فِيهَا وَاكْسُوهُمْ وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا مَعْرُوفًا

Maksudnya:

"Dan janganlah kamu berikan (serahkan) kepada orang-orang yang belum sempurna akalnya akan harta (mereka yang ada dalam jagaan) kamu, (harta) yang Allah telah menjadikannya untuk kamu semua sebagai asas pembangunan kehidupan kamu; dan berikanlah mereka belanja dan pakaian dari pendapatan hartanya (yang kamu perniagakan), dan juga berkatalah kepada mereka dengan kata-kata yang baik"

Menurut beberapa pendapat ulama' harta itu bolehlah di difinisi atau di ta'arifkan diantaranya seperti berikut:-

"Perkara yang cenderung manusia kepadanya secara tabie dan boleh disimpan hingga masa yang diperlukan"²

Takrif ini didapati ada dua kelemahannya:

¹ Al-Qur'an Surah An-Nisa. Ayat 5.

² Ibnu Abidin : Radd Al-Mukhtar, Jilid 4, M.S. 3.

- a) Ada diantara benda yang tidak disukai dan tidak cenderung kepadanya tabie' manusia tetapi ia adalah harta seperti racun dan ubat-ubat yang pahit.
- b) Ada diantara benda-benda yang tidak boleh disimpan dengan keadaan kekal manfa'atnya, sedangkan ia termasuk dalam golongan harta seperti sayur-sayuran dan seumpamanya.

Manakala ulama' yang lain mentakrifkan dengan;

"Sesuatu yang lain daripada anak Adam yang dijadikan untuk kebaikan anak Adam dan boleh disimpan serta boleh dilakukan kira bicara terhadapnya dalam keadaan biasa".³

Takrif yang terpilih ialah :

"Tiap-tiap benda yang boleh dikuasai dan diambil menfaat dengannya secara biasa."⁴

Berdasarkan kepada takrif yang tersebut di atas, menunjukkan bahawa sesuatu yang di kira harta itu mestilah merangkumi dua perkara itu:

- Pertama : Kemungkinan boleh dikuasai.
- Kedua : Boleh diambil manfa'at.

Berdasarkan kepada takrif yang terpilih itu adalah seperti berikut:

³ Muhammad Salam Madkur : Tarikh al-Tashiri al-Islami Wamasadiruhu, M.S. 275.

⁴ Ali Khafif : Muzakirat fil Mu'malat al-Sheriyyah, M.S. 2.

- a. Perkara yang sebenarnya dikuasai dan diambil manfa'at dikira sebagai harta seperti rumah, tanah, kereta, wang, pakaian, binatang dan seumpamanya.
- b. "Perkara yang tidak dikuasai tetapi mungkin boleh dikuasai, juga dikira sebagai harta, kerana *penguasaan sebenarnya* tidak disyaratkan untuk sesuatu benda itu dikira sebagai harta, yang disyaratkan ialah *boleh dikuasai* sahaja, asalkan benda itu boleh dimanfaatkan. Oleh itu ikan di dalam air, burung di udara, binatang di padang dan galian di dalam bumi dikira harta"⁵
- c. Perkara atau benda yang tidak mungkin dikuasai tidak dikira sebagai harta sekalipun sebenarnya di ambil manfaat seperti sinaran matahari, cahaya bulan dan udara.
- d. Perkara atau benda yang tidak mungkin di ambil manfaat secara biasa juga tidak dikira sebagai harta sekalipun boleh dikuasai seperti setitik air atau sebiji beras. Yang dimaksudkan dengan manfa'at yang biasa ialah manfa'at yang pada kebiasannya memberi faedah kepada manusia dan sesuai pula dengan tabiat sesuatu perkara itu serta mencapai tujuan ianya dijadikan oleh itu beras umpamanya manfa'atnya ialah untuk menjadi makanan, dan seulas beras tidak mencapai tujuan itu mengikut kebiasaan yang berlaku di kalangan manusia, dengan sebab itu tidaklah dikira sebagai harta.

⁵ Abdul Karim Zaidan, Dr. : Al Madkhal Lidirasati al-Shariah al-Islamiyah, Maktabah al-Quds Baghdad 1982 M. S. 217

- e. "Perkara atau benda yang ditegah oleh Allah untuk diambil manfa'at secara umum bagi semua manusia tidaklah dikira sebagai harta sekalipun dikuasai dan diambil manfa'at oleh manusia seperti bangkai binatang yang mati sendiri, maka tidaklah dikira daging dan lemaknya sebagai harta."⁶ Adapun bulunya dan kulitnya dikira sebagi harta setelah disucikan dan disamak. Hukum yang disebutkan itu berdasarkan kepada keadaan sesuatu itu mendatangkan manta'at atau tidak, mengikut hukum syarak, sekiranya Allah S.W.T. mengharuskan untuk dimanfa'atkan ia dikira sebagai harta dan apa yang tidak diharuskan oleh Allah S.W.T. untuk diambil manfa'at, tidaklah dikira sebagai harta. Jika sesuatu itu harus diambil manfa'at oleh setengah manusia dan tidak harus bagi setengah yang lain ia adalah dikira harta bagi mereka yang harus mengambil manfa'at, dengan sebab itu arak adalah dikira sebagai harta bagi kafir zimmi kerana mereka mengambil manfa'at dengannya dan syarak menegah orang-orang Islam mengganggu hak mereka mengenai perkara itu begitu juga babi.

1.2 Pandangan Islam Terhadap Harta Kekayaan.

Harta kekayaan adalah merupakan salah satu perkara yang diperlukan oleh manusia, melalui pemilikan harta manusia akan dapat mencipta hidup bahagia pada zahirnya. Kerana terhadap sebahagian manusia yang memiliki harta yang banyak menjadi lupa daratan, dan dengan harta manusia sanggup menjadi hamba kepada hartanya, dan demi harta ada yang hilang persaudaraan dan demi harta manusia sanggup berbunuhan. Inilah keadaannya delima antara keperluan dan akibat harta kekayaan.

⁶ Ibid. m.s..27

Islam mempunyai pandangan jelas terhadap harta kekayaan melalui al-Qur'an dan sunnah Rasulullah s.a.w. secara nyata dan terperinci membincangkan mengenai harta. Islam agama untuk hidup di dunia dan untuk mencapai matlamat kebahagiaan di dunia dan akhirat, maka dengan itu tidak indahnya Islam meletakkan nilai terhadap harta dan punyai kaedah serta peraturan yang kemas terhadap konsep pemilikan harta. Memang tidak dinafikan sekiranya melalui peraturan dan kaedah menepati kekayaan harta dan ilmu pengetahuan akan dapat mencapai kebahagiaan, kehormatan, kemakmuran dan kesejahteraan. Syariat Islam memandang harta kekayaan itu sebagai suatu pandangan yang positif dan realistik. Antaranya dinyatakan harta itu sebagai perhiasan hidup bersama dengan anak-anak yang merupakan keutamaan dan keperluan hidup manusia. Untuk itu Allah S.W.T menyediakan bagi manusia apa yang ada di langit, di bumi dan di laut. Seperti mana firman Allah S.W.T:⁷

الَّذِينَ تَرَوْنَ أَنَّ اللَّهَ سَخَّرَ لَكُمْ مَّا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَأَسْبَغَ عَلَيْكُمْ نِعْمَهُ ظَهْرَهُ وَيَاطِنُهُ وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يُجَادِلُ فِي اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَلَا هُدًى وَلَا كِتَابٍ مُنِيرٍ ﴿٢٠﴾

Maksudnya:

"Tidakkah kamu memperhatikan bahawa Allah S.W.T. telah memudahkan untuk kegunaan kamu apa yang ada di langit dan yang ada di bumi, dan telah melimpahkan kepada kamu nikmat-nikmatNya yang zahir dan yang batin? Dalam pada itu, ada di antara manusia orang yang membantah mengenai (sifat-sifat) Allah dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan atau sebarang pertunjuk; dan tidak juga berdasarkan mana-mana Kitab Allah yang menerangi kebenaran."

Firman Allah S.W.T:⁸

وَسَخَّرَ لَكُمْ مَّا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مِّنْهُ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١٣﴾

⁷ Al-Qur'an : Surah Luqman, ayat 20

⁸ Al-Qur'an : Surah al-Jaathiyah, ayat 13

Maksudnya:

"Dan Ia memudahkan untuk (faedah dan kegunaan) kamu, segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, (sebagai rahmat pemberian) daripadaNya; sesungguhnya semuanya itu mengandung tanda-tanda (yang membuktikan kemurahan dan kekuasaanNya) bagi kaum yang memikirkannya dengan teliti."

Allah S.W.T memerintahkan supaya manusia memakmurkan dunia ini.

Firman Allah S.W.T.:⁹

وَإِلَى ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَالِحًا قَالَ
يَقَوْمِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ هُوَ أَنْشَأَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ
وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا فَاسْتَغْفِرُوهُ ثُمَّ تَوْبُوا إِلَيْهِ إِنَّ رَبِّي قَرِيبٌ مُجِيبٌ

Maksudnya:

"Dan kepada kaum Thamud, Kami utuskan saudara mereka: Nabi Salih. Ia berkata: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah! Sebenarnya tiada Tuhan bagi kamu selain daripadaNya. Dialah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya. Oleh itu mintalah ampun kepada Allah dari perbuatan syirik, kemudian kembalilah kepadaNya dengan taat dan tauhid. Sesungguhnya Tuhanku sentiasa dekat, lagi sentiasa memperkenankan permohonan hambanya."

Islam mengatur tentang pengurusan harta, samada pada mencari harta, memelihara dan cara mengembangkannya serta menggunakan di jalan Allah, begitu pula pada mencegah penggunaannya untuk hidup berlebih-lebihan, berpoya-poya dan bermegah-megah serta penggunaan cara yang membazir terhadap harta. Kerana semua yang tersebut itu akan merugikan bukan sahaja pada dirinya bahkan pada orang lain. Islam mengharamkan sebarang perbuatan atau penggunaan sesuatu yang membawa kepada kerosakan dan kebinasaan.

⁹ Al-Qur'an : Surah Hud, ayat 61

Sepertimana firman Allah S.W.T:¹⁰

فَإِنْ أَنْهَوْا فَإِنَّ اللَّهَ عَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١١٢﴾

Maksudnya:

"Kemudian jika mereka berhenti memerangi kamu (maka berhentilah kamu); kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."

Firman Allah S.W.T:¹¹

وَابْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ
نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ
وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

Maksudnya:

"Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat, dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan."

1.3 Pemilik Mutlak Harta

Hak pemilikan mutlak terhadap harta hanya tertentu bagi Allah S.W.T. Manusia dan alam termasuklah harta adalah merupakan makhluk ciptaan Allah S.W.T. Bagaimanapun yang teristimewa dikalangan makhluk ini ialah manusia, kerana mereka diberi tanggungjawab dan kuasa mengurus, mentadbir segala apa yang terkandung dilangit dan dibumi mengikut landasan yang telah ditentukan oleh Allah S.W.T.

¹⁰ Al-Qur'an : Surah Al-Baqarah, ayat 192

¹¹ Al-Qur'an : Surah al-Qasas , ayat 77

Manusia adalah makhluk ciptaan Allah yang termulia jika dibandingkan dengan lain-lain ciptaanNya dan selaku khalifah Allah S.W.T. di bumi. Sepertimana yang ditegaskan dalam Firman Allah S.W.T.¹²

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ﴿١﴾

Maksudnya:

"Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaanya)."

Firman Allah S.W.T.¹³

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا ﴿٧٠﴾

Maksudnya:

"Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan"

Oleh itu sesuai dengan kelebihan dan keistimewaan yang ada pada manusia ini sebagai suatu yang semulajadi diciptakan oleh Allah S.W.T. Maka tepatlah tanggungjawabnya sebagai "*Khalifah fil Ardhi*" (wakil Allah di bumi) yang bertindak selaku pemimpin, penguasa, pengatur dan pemakmur kepada alam sejagat yang mengurus dan mentadbirkan semua kejadian Allah di langit dan di bumi dan apa yang terkandung di dalamnya.

¹² Al-Qur'an : Surah At-Tin, ayat 4.

¹³ Al-Qur'an : Surah Al-Isra', ayat 70.

Firman Allah S.W.T.¹⁴

هُوَ
الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَّا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ اسْتَوَىٰ إِلَى
السَّمَاءِ فَسَوَّاهُنَّ سَبْعَ سَمَوَاتٍ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٣٦﴾
وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً
قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ
نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٧﴾

Maksudnya:

"Dialah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi; Kemudian Ia menuju dengan kehendakNya ke arah (bahan-bahan) langit, lalu dijadikannya tujuh langit dengan sempurna; dan Ia Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu"

"Dan Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?" Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya".

Firman Allah S.W.T.¹⁵

يَا دَاوُدُ إِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ فَاحْكُم بَيْنَ النَّاسِ
بِالْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعِ الْهَوَىٰ فَيُضِلَّكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ إِنَّ الَّذِينَ يَضِلُّونَ
عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ يَوْمَ الْحِسَابِ ﴿٣٦﴾

Maksudnya:

"Wahai Daud, sesungguhnya Kami telah menjadikanmu khalifah di bumi, maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan (hukum syari'at) yang benar (yang di wahikan kepadamu); dan janganlah engkau menurut hawa nafsu, kerana yang demikian

¹⁴ Al-Qur'an : Surah Al-Baqarah, ayat 29 dan 30.

¹⁵ Al-Qur'an : Surah As-Sad, ayat 26.

itu akan menyesatkanmu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah, akan beroleh azab yang berat pada hari hitungan amal, disebabkan mereka melupakan (jalan Allah) itu".

Firman Allah S.W.T.¹⁶

وَلِلَّهِ مَا فِي
السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۗ وَلَقَدْ وَصَّيْنَا الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ
مِنْ قَبْلِكُمْ وَإِيَّاكُمْ أَنْ اتَّقُوا اللَّهَ ۚ وَإِنْ تَكْفُرُوا فَإِنَّ لِلَّهِ
مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۚ وَكَانَ اللَّهُ غَنِيًّا حَمِيدًا ﴿١٧٦﴾
وَلِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۚ وَكَفَى بِاللَّهِ وَكِيلًا ﴿١٧٧﴾

Maksudnya:

"Dan bagi Allah jualah segala yang ada di langit dan yang ada di bumi; dan demi sesungguhnya, Kami telah perintahkan orang-orang yang diberi Kitab dahulu daripada kamu, dan juga (perintahkan) kamu, iaitu hendaklah bertaqwa kepada Allah; dan jika kamu kufur ingkar, maka (ketahuilah) sesungguhnya Allah jualah yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi; dan (ingatlah) adalah Allah Maha Kaya, lagi Maha Terpuji."

"Dan bagi Allah jualah apa yang ada di langit dan yang ada di bumi; dan cukuplah Allah sebagai Pengawal (yang mentadbirkan dan menguasai segala-galanya)"

Dalam melaksanakan pengurusan dan pentadbiran di bumi Allah ini termasuklah urusan yang berkaitan dengan harta hendaklah mengikut lunas dan dasar yang ditentukan oleh Allah S.W.T. dan dilarang daripada menggunakannya dengan cara yang tidak sah

Firman Allah S.W.T.¹⁷

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ
بِالْبَطْلِ وَتُدْخُلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ
أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾

¹⁶ Al-Qur'an : Surah An-Nisa, ayat 131 dan 132.

¹⁷ Al-Qur'an : Surah Al-Baqarah, ayat 188.

Maksudnya:

"Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)"

1.4 Hak Pemilikan Harta Menurut Perlembagaan Malaysia

13(1) "Tiada seorangpun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang.

13(2) Tiada sesuatu undang-undang pun boleh membuat peruntukan bagi mengambil atau menggunakan harta-harta dengan paksa dengan tiada pampasan yang mencukupi.

Menurut perkara tersebut seseorang berhak memiliki harta dan jika hartanya diambil oleh kerajaan kerana sesuatu kepentingan awam maka kerajaan hendaklah membayar pampasan yang memadai. Perkara 13(1) mensyaratkan bahawa hak milik hanya boleh dilucutkan melalui sesuatu undang-undang yang ada pada masa itu. Perlembagaan melarang perintah dari melucutkan harta seseorang dengan cara yang menyalahi undang-undang agar ianya mengikut undang-undang Kanun Tanah Negara, Akta Pengambilan Tanah 1960¹⁸ telah diwujudkan yang memberi kuasa kepada kerajaan untuk mengambil balik harta atau tanah yang difikirkan mustahak untuk pembangunan negara dengan membayar pampasan yang munasabah terhadap tanah itu.

"Maksud "harta" di dalam perkara 13 Perlembagaan Malaysia termasuklah tanah, binatang, wang dan segala faedah yang boleh didapati dari harta-harta ini."¹⁹

¹⁸ Kanun Tanah Negara (Akta Pengambilan Tanah) N0.34(1960) Akta ini telah dipinda beberapa kali iaitu dalam tahun 1965, 1971,1973,1976,1977,1983 dan 1991.

¹⁹ Sheridan and Groves, The Constitution of Malaysia, New York 1967 ms.45.

"Setiap Warganegara adalah dibenarkan bekerja dan memiliki asalkan mengikut undang-undang. Tetapi jika usaha seseorang atau sesuatu kumpulan itu boleh menganiyai orang ramai maka parlimen dibenarkan bertindak menyekat kebebasan itu."²⁰

1.5 Islam Tidak Mengalakkan Umatnya Miskin

Islam meletakkan kekafiran dan kemiskinan adalah merupakan penyakit aqidah dan masyarakat. Akibat terlalu miskin menyulitkan untuk mereka memberi penumpuan kepada ibadat. Tambahan pula apabila mereka terlalu miskin timbul perasaan untuk menyalahkan kepada takdir.

Sabda Rasulullah s.a.w.²¹

كاد الفقر أن يكون كفرا

Maksudnya:

"Kefakiran itu akan menghampiri kekufuran".

Sabda Rasulullah s.a.w.²²

....واليد العليا خير من اليد السفلى

²⁰ Salleh Abbas, Tun. Prinsip Perlembagaan dan Pemerintahan di Malaysia. DBP. 1968. ms.357.

²¹ Alwi Jusoh : Kumpulan Rencana Dakwah, m.s.42. BAHEIS JPM. 1983.

²² Al-Hadith : Riwayat Hakim Bin Hizam. Sahih Imam Bukhari Mukhtasar Ibnu Abi Jamrah, m.s. 172.

Ahmad Al-Hashimi : Mukhatrul Hadith Annabawiyah Walhukmi Al-Mohamadiyah , m.s. 188 Darul Qalam, Beirut, Lubnan.

Maksudnya:

"....Dan tangan yang memberi adalah lebih baik dan lebih mulia dari tangan yang menadah atau meminta".

Firman Allah S.W.T.²³

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ
وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya:

"Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat)."

Firman Allah S.W.T.²⁴

وَلَقَدْ مَكَّنَّاكُمْ
فِي الْأَرْضِ وَجَعَلْنَا لَكُمْ فِيهَا مَعِيشًا قَلِيلًا مَا تَشْكُرُونَ ﴿١٠﴾

Maksudnya.

"Dan sesungguhnya Kami telah menetapkan kamu (dan memberi kuasa) di bumi, dan Kami jadikan untuk kamu padanya (berbagai jalan) penghidupan (supaya kamu bersyukur, tetapi) amatlah sedikit kamu bersyukur."

Berpandukan kepada beberapa perintah Al-Qur'an di dalam ayat tersebut di atas. Adalah menggalakkan kepada manusia untuk mencari harta, Islam membuka pintu yang seluas-luasnya untuk manusia bekerja dan berusaha mencari rezeki dan harta kekayaan bagi tujuan membela diri dan keluarga mereka dari kemiskinan dan kepapaan. Manusia diperintah patuh dan tunduk serta mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. dan diberi

²³ Al-Qur'an : Surah Al-Jumaat, ayat 10.

²⁴ Al-Qur'an : Surah Al-A'raf, ayat 10.

tanggungjawab memakmurkan bumi Allah. Manusia diperintah untuk menjelajah keseluruhan ceruk rantau dan pelusuk dunia bagi mencari rezeki dari kurnia Allah.

1.6 Galakan Mencari Harta.

Islam yang menunjangi Al-Qur'an dan As-Sunnah menggalakkan umatnya untuk berusaha mencari harta bagi tujuan meninggikan taraf hidup manusia dalam perkembangan ekonomi. Manusia diperintahkan untuk menerokai harta dan menikmati segala rezeki yang dikurniakan Allah.

Firman Allah S.W.T.²⁵

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ
الْأَرْضَ ذُلُولًا فَامْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِن رِّزْقِهِ وَإِلَيْهِ النُّشُورُ

Maksudnya:

"Dialah yang menjadikan bumi bagi kamu: mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah; dan (ingatlah), kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula;)maka hargailah ni'matNya dan takutilah kemurkaanNya)."

Islam agama yang praktikal, maka dengan melalui hukum-hukumnya telah diatur keperluan-keperluan hidup dan pada waktu yang sama digabungkan antara kepentingan rohani dan jasmani, secara adil dan seimbang. Islam telah menggariskan jalan ke arah kebahagiaan rohani dan jasmani dengan memerintahkan kepada manusia untuk mencari dan memanfaatkan harta melalui jalan yang halal.

²⁵ Al-Qur'an : Surah Al-Mulki, ayat 15.

Dalam memenuhi keperluan individu dan masyarakat dalam gandingan usaha untuk mememakmurkan dunia, manusia didorong untuk berusaha yang dimaksudkan dengan usaha dan bekerja ialah menggunakan segala daya usaha termasuk usaha melalui perkembangan sains dan teknologi moden bagi meningkatkan daya pengeluaran untuk menghasilkan sesuatu yang bermunafaat.

Firman Allah S.W.T.²⁶

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَيَسِّرِ اللَّهُ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ
 وَرَسُولُهُ، وَالْمُؤْمِنُونَ وَسُرُدُّوهُمْ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ
 فَيُنشِكُمْ بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾

Maksudnya:

"Dan katakanlah (Wahai Muhammad): "Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan".

Firman Allah S.W.T.²⁷

فَلْيَنْظُرِ الْإِنْسَانُ إِلَىٰ طَعَامِهِ ﴿٢٤﴾ أَنَا صَبَبْنَا الْمَاءَ صَبًّا
 ﴿٢٥﴾ ثُمَّ شَقَقْنَا الْأَرْضَ شَقًّا ﴿٢٦﴾ فَأَبْيْنَا فِيهَا حَبًّا ﴿٢٧﴾ وَعَبْنَا وَقَضَبًا ﴿٢٨﴾
 وَزَيَّنَّا وَنَخَلًا ﴿٢٩﴾ وَحَدَائِقَ غُلْبًا ﴿٣٠﴾ وَفَلَكْهَةً وَأَبَا ﴿٣١﴾ مَتَّعَلِكُمْ
 وَلَا نَنْعَمِكُمْ ﴿٣٢﴾

Maksudnya:

"(Kalaulah ia tidak memikirkan asa dan kesudahan dirinya), maka hendaklah manusia melihat kepada makanannya (bagaimana Kami mentadbirkannya):"

²⁶ Al-Qur'an : Surah At-Taubah, ayat 105.

²⁷ Al-Qur'an : Surah Abasa, ayat 24,25,26,27,28,29,30,31 dan 32.